



Jaminan Perkapalan Helaian Pendedahan Produk

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Jaminan Perkapalan. Pastikan anda juga membaca terma dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada Pengurus Perhubungan Bank / Pengurus Perniagaan Bank anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma am.</p>	<p>Alliance Bank Malaysia Berhad (“ABMB” atau “Bank”)</p> <p>JAMINAN PERKAPALAN (SG)</p> <p>Tarikh: _____</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Jaminan Perkapalan (SG) ialah surat indemniti yang dikeluarkan oleh Bank yang dialamatkan kepada Syarikat Perkapalan atas arahan pengimport/pembeli (Pelanggan) untuk pelepasan barang tanpa pembentangan Bil Muatan/Bill of Lading (BL) asal. SG biasanya digunakan apabila barang tiba lebih awal daripada BL apabila pengimport ingin mengambil barang pada masa yang paling awal. SG dikeluarkan oleh Bank, melalui tandatangan balas indemniti, atas permintaan pengimport/pembeli, tertakluk kepada ketersediaan kemudahan pembiayaan perdagangan yang diberikan oleh Bank.</p>	
<p>2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan pelepasan barangan di pelabuhan apabila tiba dengan tiada bil muatan kapal yang asal. • Pengelakan caj kelewatan waktu berlabuh disebabkan pelepasan lewat. 	
<p>3. Apakah tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk menebus SG dan mengembalikan kepada Bank untuk pembatalan apabila menerima bil muatan kapal yang asal 	
<p>4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Komisen 0.1% daripada jumlah invois. • Minimum RM100.00 (di bawah Surat Kredit) atau RM200.00 (Bukan di bawah Surat Kredit) • Bayaran Pos RM5.00. 	
<p>5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • SG tidak dikembalikan selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran: Komisen tambahan pada 0.05% setiap bulan daripada jumlah invois selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran sehingga tarikh pengembalian SG. Minimum RM50.00 setiap bulan. • Hak untuk tolak selesai: ABMB berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun untuk penyelesaian tunggakan dalam akaun Kemudahan Perdagangan. • ABMB berhak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan membubarkan/menyita cagaran yang diberikan (jika ada). 	
<p>6. Bagaimanakah jika saya melakukan penyelesaian penuh bagi Jaminan Perkapalan ini sebelum tempoh matang?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Tidak berkenaan. 	
<p>7. Adakah saya perlukan perlindungan insurans/takaful?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Anda perlu mengambil perlindungan insurans penuh untuk barangan mengikut incoterm yang dipersetujui dalam kontrak jualan. 	
<p>8. Apakah risiko utama?</p>	

- Tidak menerima bil muatan kapal yang asal, maka tidak boleh menebus SG untuk pembatalan.
- Tiada had liabiliti kepada jumlah dan tarikh luput di bawah SG.

9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

- Cagaran: Ya
- Penjamin: Tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh ABMB

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan atau rujuk kepada laman web kami di www.alliancebank.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Alliance Bank Malaysia Berhad
Customer Care Unit
Level 7, Menara Multi-Purpose, Capital Square
No. 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: +603 5624 3888 (Overseas) / 1-300-80-3388 (Malaysia)
Email: info@alliancebg.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Menara Bumiputra-commerce,
Tingkat 5 dan 6, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Email: enquiry@akpk.org.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan.

13. Apakah pakej pinjaman/pembiayaan lain yang disediakan?

- Penerimaan Jurubank

- Resit Amanah
- Surat Kredit
- Bil Eksport Dibeli/Didiskaun
- Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport
- Perundingan Eksport
- Nota Janji Hutang,
- Jaminan Bank
- Pembiayaan Penjual

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di sini atau sehingga _____ . Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh ABMB adalah bergantung pada penilaian kredit oleh ABMB. Penghantaran Helaian Pendedahan Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh ABMB untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.